

## **POLISI & PROSEDUR KEAHLIAN RICHNERGY INTERNATIONAL SDN BHD (RISBM)**

Dengan mengklik ikon “Saya setuju” di akhir Polisi dan Prosedur RISBM (“Polisi dan Prosedur ini”), anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami sepenuhnya Polisi dan Prosedur ini dan bersetuju untuk diikat oleh yang sama.

Dalam Polisi dan Prosedur ini, terma di bawah hendaklah mempunyai maksud berikut :

- (a) “CMA” bermaksud Akaun Pelanggan Ahli yang tertera di dalam sistem e-dagang syarikat (RTS).
- (b) “Hari Perniagaan” bermaksud hari-hari apabila Syarikat dibuka untuk perniagaan dari Isnin hingga Jumaat 10.00 pagi hingga 6.00 petang (tidak termasuk hari cuti umum di Malaysia dan Negeri Selangor);
- (c) “Kod Etika” bermaksud kod etika RISBM dan/atau kaedah kelakuan yang dirumuskan dan diluluskan oleh Syarikat dan seperti yang dipinda oleh Syarikat dari masa ke semasa.
- (d) “Syarikat” bermaksud Richnergy International Sdn Bhd (No. Syarikat 1211098-W)(AJL 932210), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan alamat perniagaan utamanya di C-G-23, Blok C, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sungai Jerneh 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya Selangor DE, Malaysia.
- (e) “Mata Kredit” [Credit Point(CP)] bermaksud sistem mata kredit Syarikat untuk mengira jualan, belian dan bayaran transaksi yang boleh ditukar kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa;
- (f) “Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993” bermaksud Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dan mana-mana atau semua subsidiari perundangan, kaedah, peraturan, perintah, undang-undang kecil, notis, pindaan dan/atau arahan yang dibuat di bawahnya atau menurutnya;
- (g) “RISBM” bermaksud Ahli RISB;
- (h) “Pelan Pemasaran” bermaksud pelan pemasaran yang dirumuskan dan mendapat kelulusan Jabatan Syariah dan setiap pindaan oleh Syarikat dari masa ke semasa;
- (i) “Kata Laluan” bermaksud kod sekuriti RISBM untuk mengakses dan menggunakan kawasan dilindungi tertentu Laman Web dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di dalamnya;
- (j) “Kaedah dan Peraturan” bermaksud secara kolektif, (i) Polisi dan Prosedur ini, (ii) Kod Etika, (iii) Pelan Pemasaran, dan (iv) Terma dan Syarat Standard Keahlian seperti yang diuraikan dalam borang keahlian;
- (k) “Nama Pengguna” bermaksud nama pengenalan pengguna RISBM untuk mengakses dan menggunakan kawasan dilindungi tertentu Laman Web dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di dalamnya;
- (l) “Laman Web” bermaksud laman web Syarikat yang terletak di URL <http://www.richlegacy2u.com> atau mana-mana URL berikutnya yang boleh menggantikannya.
- (m) “Jaringan atas” bermaksud *upline* seperti yang didefinisikan di bawah Seksyen 1.3 dan semua *upline* di atasnya.

## SEKSYEN 1 – KEAHLIAN RISBM

### 1.1 Kelayakan

Orang atau entiti berikut adalah layak untuk memohon keahlian RISBM:

- (a) mana-mana individu yang berusia 18 tahun ke atas yang merupakan seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;
- (b) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
- (c) satu perkongsian;
- (d) tuan punya tunggal; atau
- (e) orang asing yang mempunyai pasport sah atau permit pekerjaan di Malaysia.

1.2 Setiap orang adalah berhak ke atas satu keahlian sahaja pada sesuatu masa dan Syarikat atas budi bicaranya yang mutlak sama ada dengan atau tanpa notis mempunyai hak untuk membatalkan atau menamatkan keahlian berganda.

1.3 Untuk menjadi RISBM, pemohon mesti dirujuk oleh RISBM yang sedia ada ("Upline") dan membayar yuran pendaftaran yang wajar seperti yang ditentukan oleh Syarikat. Borang permohonan keahlian RISBM hendaklah dilengkapkan dan dihantar kepada Syarikat dalam tempoh tujuh (7) hari selepas ditandatangani untuk perhatian Syarikat.

1.4 Dalam perkara perkongsian atau syarikat, Syarikat akan mengiktiraf hanya satu orang yang dinamakan dan diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak syarikat atau perkongsian. Individu ini boleh menyertai dalam latihan dan aktiviti jika ia dirancang dan dianjurkan oleh Syarikat. Mana-mana atau semua arahan yang diberikan oleh orang yang diberi kuasa tersebut hendaklah dianggap sebagai diberikan oleh perkongsian atau syarikat.

- 1.5 (a) Jika RISBM menamatkan keahliannya menurut Seksyen 8.2.2 (a), bekas RISBM tersebut (atau pasangannya) boleh memohon untuk menjadi RISBM baru di bawah upline baru selepas peluputan tidak kurang daripada enam (6) bulan dari tarikh penamatan menurut Seksyen 8.2.2 (a) tersebut.
- (b) Jika RISBM menamatkan keahliannya menurut Seksyen 8.2.2(c), bekas RISBM tersebut (atau pasangannya) boleh memohon untuk menjadi RISBM baru di bawah upline baru dengan sertamerta selepas tarikh penamatan menurut Seksyen 8.2.2(c) tersebut.

Bagi tujuan Seksyen 1.5, bekas RISBM mesti menyerahkan satu borang permohonan keahlian RISBM yang baru kepada Syarikat untuk kelulusan. Bagi mengelak keraguan, permohonan baru akan hanya dipertimbangkan apabila keahlian bekas RISBM telah sebelum ini ditamatkan hanya di bawah Seksyen 8.2.2 (a) atau (c) dan bukan di bawah mana-mana peristiwa penamatan lain.

1.6 Sekiranya berlaku kematian RISBM, waris terdekat mesti memperolehi Surat Kuasa Mentadbir untuk mendapatkan hak-hak dan/atau kepunyaan si mati (termasuk pendapatan dan bonus), jika ada, yang terakru daripada keahlian. Bagaimanapun, jika si mati telah menamakan benefisiari atau pewaris sebelum kematiannya, hak-hak dan/atau kepunyaan (termasuk pendapatan dan bonus), jika ada, yang terakru daripada keahlian boleh diserahkan kepada benefisiari atau pewaris yang

berkenaan selepas memperolehi Geran Probet(Sijil pengesahan wasiat).

- 1.7 Semasa memohon keahlian, pemohon hendaklah menyerahkan maklumat yang benar, tepat, terkini dan lengkap mengenai dirinya. Sepanjang tempoh keahliannya, RISBM dikehendaki untuk menyenggara dan dengan segera mengemaskinikan maklumatnya untuk mengekalkan yang sama benar, tepat, terkini dan lengkap.

## **SEKSYEN 2 – NAMA PENGGUNA DAN KATA LALUAN**

- 2.1 Semasa mengakses dan menggunakan kawasan dilindungi tertentu di Laman Web, RISBM akan dikehendaki untuk memasukkan Nama Pengguna dan Kata Laluan semasa memproses log masuk menurut bantu ingat, arahan dan prosedur yang terpakai, RISBM hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Syarikat mengenai apa-apa penggunaan Nama Pengguna dan/atau Kata Laluan tanpa kebenaran, atau apa-apa kemungkiran keselamatan lain. RISBM adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas semua aktiviti yang berlaku berhubung dengan penggunaan Nama Pengguna dan/atau Kata Laluan.
- 2.2 RISBM hendaklah mematuhi mana-mana dan semua garis panduan keselamatan, instruksi dan/atau arahan yang dikeluarkan oleh Syarikat dari masa ke semasa yang berkaitan dengan kemasukan dan/atau penggunaan Laman Web dan/atau perkhidmatan yang disediakan di dalamnya, termasuk yang dikhususkan di bawah:
  - (a) Nama Pengguna dan Kata Laluan hendaklah dirahsiakan pada semua masa oleh RISBM;
  - (b) (i) Kata Laluan awal yang Syarikat keluarkan selepas meluluskan keahlian mesti ditukar dengan serta-merta di permulaan proses daftar masuk atau log masuk;
  - (ii) jika Kata Laluan awal diberikan kepada upline RISBM baru, upline mestilah dengan serta-merta memaklumkan RISBM mengenai Kata Laluan awal tersebut dan memerlukan RISBM menukar Kata Laluan awal tersebut dengan serta-merta semasa mendaftar masuk atau log masuk pada kali pertama. Dengan tidak mengambil kira apa sahaja yang bertentangan, upline hendaklah kekal berkewajipan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan kesulitan Kata Laluan awal yang disebutkan tadi dan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran Seksyen 2.2 (b)(ii) ini, upline hendaklah menanggung rugi Syarikat menurut Seksyen 4.16 dalam ini.
  - (c) Kata Laluan dan Nama Pengguna tidak boleh dipindah milik.
  - (d) Nama Pengguna dan/atau Kata Laluan mesti ditukar jika terdapat petunjuk bahawa akses keselamatan telah dikompromikan (contohnya, Kata Laluan diketahui oleh orang yang tidak diberi kuasa);
  - (e) Kombinasi lemah untuk Kata Laluan tidak harus digunakan. Contoh kombinasi lemah termasuk nama pengguna, atau mana-mana perkataan yang didapati di dalam kamus;
  - (f) RISBM hendaklah memastikan bahawa ia tidak akan meninggalkan pangkalan atau sistem komputer tanpa diawasi semasa RISBM dalam talian di Laman Web dan/atau perkhidmatan yang disediakan di dalamnya dan selanjutnya RISBM mesti log keluar dari pangkalan atau sistem komputer selepas menyelesaikan aksesnya di Laman Web dan/atau perkhidmatan yang disediakan di dalamnya; dan
  - (g) RISBM adalah bertanggungjawab ke atas anti-virus dan langkah-langkah keselamatan Komputer Peribadinya (PC) sendiri bagi melindungi akses tanpa kebenaran kepada maklumat,

arahan, transaksi dan akaun RISBM melalui internet.

2.3 RISBM mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan Nama Pengguna dan Kata Laluan adalah pengenalan diri yang mencukupi untuk RISBM. RISBM dengan ini memberi kuasa kepada Syarikat untuk bertindak atas arahnya (arahan-arahan) yang diberikan melalui Laman Web dan menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan yang disebutkan di atas tanpa perlu memperoleh pengesahan bertulis atau yang lain daripada RISBM biarpun arahan (arahan-arahan) tersebut sebenarnya tidak diberikan atau dibenarkan oleh RISBM. Semua arahan tersebut hendaklah terikat kepada RISBM sebaik sahaja diberi kepada Syarikat atau mana-mana orang lain, sama ada diberi kuasa atau tidak. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh RISBM akibat daripada apa-apa kesalahan menggunakan akaun RISBM dan/atau arahan tanpa kebenaran yang dikuatkuasakan dengan menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan dan apa-apa maklumat keselamatan lain yang dikehendaki oleh Laman Web.

### **SEKSYEN 3 – KETERBATASAN RISBM**

3.1 Setiap RISBM adalah betul-betul orang/entiti perniagaan bebas yang kejayaan atau kegagalannya bergantung pada usahanya sendiri. Dengan tidak mengambil kira apa sahaja yang bertentangan, tiada hubungan usaha sama, agensi atau pekerjaan antara Syarikat dan mana-mana RISBM.

3.2 Tertakluk pada Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993, RISBM tidak mempunyai autoriti atau kuasa untuk (a) mengikat Syarikat dalam apa-apa cara jua pun; (b) mewujudkan apa-apa kewajipan bagi pihak Syarikat; (c) memasuki apa-apa kontrak atas nama Syarikat; (d) mewujudkan apa-apa liabiliti terhadap Syarikat; dalam apa-apa cara dan/atau untuk apa-apa tujuan.

3.3 RISBM tidak akan menggunakan nama, slogan, garis tanda, logo, simbol dan/atau tanda niaga Syarikat (sama ada didaftarkan, tidak didaftarkan atau sementara menunggu pendaftaran) tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Syarikat. Selanjutnya, RISBM tidak boleh menggunakan istilah atau frasa deskriptif atau rujukan seperti “subsidiari, pekerja, wakil dan/atau ejen” dalam apa-apa alat tulis atau bahan cetakan sendiri. RISBM tidak akan mencetak sendiri atau menggunakan kad perniagaannya untuk aktiviti perniagaannya di bawah ini dan akan hanya menggunakan kad perniagaan sedemikian yang disediakan oleh dan/atau diluluskan oleh Syarikat.

3.4 RISBM tidak akan mengisytiharkan atau menggambarkan kepada mana-mana pihak atau orang bahawa ia mempunyai hubungan eksklusif dengan atau telah memperoleh hak-hak eksklusif (atau mana-mana hak lain yang berbentuk itu) daripada Syarikat.

3.5 Tidak ada RISBM yang akan membuat apa-apa tawaran mengenai penyelesaian bagi pihak atau sebaliknya mengikat Syarikat dengan apa-apa tuntutan untuk kerosakan yang berkaitan dengan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Syarikat.

## SEKSYEN 4 – TANGGUNG JAWAB RISBM

- 4.1 RISBM mempunyai tanggungjawab untuk membaca dan memahami sepenuhnya Kaedah dan Peraturan dan peruntukan-peruntukan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993. RISBM hendaklah mengendalikan perniagaannya dengan tegas menurut semua Kaedah dan Peraturan.
- 4.2 RISBM tidak akan dalam apa-apa keadaan menjual produk-produk Syarikat pada sebarang harga melainkan harga yang ditetapkan oleh Syarikat dan Syarikat mempunyai hak untuk menukarkan produk-produk dan/atau meletakkan harga dari masa ke semasa mengikut budi bicaranya yang mutlak.
- 4.3 RISBM tidak akan melabelkan semula, membungkus semula atau sebaliknya mengubah mana-mana produk Syarikat dalam apa-apa cara jua pun. RISBM tidak boleh pada bila-bila masa meminda kandungan mana-mana teks/risalah Syarikat atau Kit Permulaan.
- 4.4 RISBM tidak boleh dalam apa-apa cara atau pada bila-bila masa sama ada semasa persembahan rujukan atau sebaliknya (a) menyalah nyata atau menyimpang daripada Pelan Pemasaran atau sebaliknya, menyalah nyata kualiti atau prestasi produk-produk Syarikat; (b) membuat apa-apa representasi, jaminan, waranti atau tuntutan berkenaan produk-produk Syarikat selain atau melampaui apa yang ditetapkan di label-label produk atau dalam teks rasmi Syarikat; dan/atau (c) mengelirukan bakal pelanggan-pelanggan/rekrut-rekrut dengan terlebih menekankan bonus tinggi yang tidak seimbang atau bonus yang dibayar. Sekiranya berlaku kemungkiran Seksyen 4.4 ini, tanggung rugi di dalam Seksyen 4.16 akan terpakai dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak atau remedi lain yang boleh didapati oleh Syarikat di bawah ini atau di bawah undang-undang, Syarikat adalah berhak untuk dengan segera menamatkan keahlian RISBM menurut Seksyen 8.2.1.
- 4.5 RISBM hendaklah memberi resit rasmi kepada pelanggan untuk setiap dan tiap-tiap jualan dan resit demikian hendaklah di dalam bentuk resit jualan tunai yang dijana oleh komputer yang dikeluarkan oleh Syarikat. Jika resit sementara dikehendaki, RISBM akan mengeluarkan yang sama hanya sebagai satu perakuan bahawa bayaran telah diterima oleh RISBM (dan bukan Syarikat) asalkan (a) resit sementara tidak mengandungi nama dan alamat Syarikat atau harta intelektual (termasuk tidak terhad kepada, tanda niaga, tanda perkhidmatan, nama niaga, logo dan/atau peranti) mahupun yang sama boleh ditafsirkan dalam apa-apa cara sebagai telah dikeluarkan oleh Syarikat; (b) ia telah dinyatakan dengan jelas kepada penerima bahawa resit sementara dikeluarkan sendiri oleh RISBM dan tidak dalam apa-apa cara dikeluarkan oleh Syarikat dan bayaran hanya dianggap diterima oleh Syarikat apabila yang sama adalah sebenarnya diterima sepenuhnya oleh Syarikat; dan (c) RISBM berikutnya memberi resit rasmi yang dikeluarkan oleh Syarikat seperti yang disebutkan di atas.
- 4.6 Jualan runcit produk-produk tidak dibenarkan di mana-mana syarikat runcit atau di mana-mana premis komersial. Walau bagaimanapun, jika pemilik-pemilik syarikat runcit adalah di bawah RISBM, produk atau teks Syarikat boleh dipamerkan di pertubuhan runcit tersebut. Jualan dari orang ke orang antara RISBM dengan pelanggan merupakan inti pati jualan berbilang tingkat. Adalah penting hubungan ini dipelihara dan dipupuk dalam perniagaan.

- 4.7 Tidak ada produk atau panduan perniagaan boleh dijual di temasya-temasya perniagaan dan pameran-pameran kecuali kelulusan bertulis terdahulu Syarikat telah diberikan.
- 4.8 RISBM hendaklah mematuhi secara tegas semua peruntukan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti -Piramid 1993 dan Kod Etika dan tidak akan melakukan apa-apa aktiviti yang boleh membawa keaiban kepada dirinya atau Syarikat.
- 4.9 Setelah mempersembahkan Pelan Pemasaran Syarikat kepada mana-mana entiti atau individu, RISBM mesti menjelaskan bahawa (a) tidak ada keperluan bahawa bakal RISBM mesti membuat apa-apa belian selain membayar yuran pendaftaran untuk menjadi RISBM; dan (b) semua RISBM dikehendaki memenuhi kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pelan Pemasaran untuk menikmati yuran-yuran rujukan.
- 4.10 Tanggungjawab upline adalah untuk (a) bekerja dengan dan membantu RISBM baru; (b) membantu mereka mempelajari perniagaan tersebut; dan (c) menyokong dan menggalakkan mereka untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka.
- 4.11 RISBM tidak dibenarkan untuk mendiagnos atau mempreskripsikan produk-produk Syarikat sebagai rawatan khusus untuk apa-apa penyakit atau keadaan.
- 4.12 Kementerian Kesihatan tidak membenarkan tuntutan khusus atau dakwaan “pemulihan” dikemukakan atau dibuat berkenaan produk-produk tertentu dan oleh itu RISBM tidak boleh mengemukakan atau membuat apa-apa dakwaan yang sedemikian berkenaan produk-produk Syarikat. Undang-undang ini disediakan bagi melindungi orang awam daripada mereka yang secara sengaja mencadangkan bahawa apa-apa bahan atau peranti akan mengambil alih keperluan mendiagnos atau nasihat perubatan atau rawatan.
- 4.13 RISBM bersetuju dan menerima polisi Syarikat yang melarang apa-apa belian produk dalam kuantiti yang besar untuk mencapai satu tahap yuran rujukan atau untuk memajukan perniagaan dengan cara yang tidak sihat. RISBM hanya dikehendaki untuk membeli produk atau perkhidmatan dalam amaun yang boleh dijangkakan untuk dijual semula atau digunakan dalam satu tempoh masa yang munasabah.
- 4.14 RISBM hendaklah dengan serta-merta mengirim kepada Syarikat semua wang yang patut dibayar kepada Syarikat yang dikutip dan diterima daripada pelanggan-pelanggan, pemohon-pemohon baru atau RISBM baru (termasuk tidak terhad kepada, yuran pendaftaran dan kos pakej produk) dan tidak akan dalam apa jua keadaan memegang wang tersebut lebih daripada satu (1) Hari Perniagaan. Kiriman wang yang disebutkan di atas kepada Syarikat hendaklah dibuat dengan cara atau kaedah seperti yang ditetapkan oleh Syarikat.
- 4.15 Sepanjang tempoh keahlian RISBM di bawah ini, RISBM tidak akan secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi RISBM lain untuk menyertai syarikat jualan berbilang tingkat lain atau secara langsung atau tidak langsung merekrut RISBM lain untuk syarikat-syarikat jualan berbilang tingkat lain.

4.16 RISBM hendaklah menanggung rugi sepenuhnya, mempertahankan dan melindungi Syarikat (termasuk syarikat induk, syarikat pegangan, syarikat berkaitan dan/atau anak syarikat) daripada dimudaratkan terhadap mana-mana dan semua tuntutan, permintaan, kes mahkamah, tindakan, penghakiman, kerosakan, kos, kerugian, perbelanjaan (termasuk yuran perundangan dan perbelanjaan perundangan atas dasar tanggung rugi sepenuhnya) dan liabiliti lain apa jua pun dan bagaimana sekalipun yang mungkin timbul atau berlaku ke atas Syarikat (termasuk syarikat induk, syarikat pegangan, syarikat berkaitan dan/atau anak syarikat) yang timbul daripada atau berkaitan dengan (a) kemungkiran mana-mana Kaedah dan Peraturan; (b) tindakan, peninggalan, keingkaran atau kecuaiian RISBM; dan/atau (c) mod, kaedah atau cara operasi perniagaan anda. Tanggung rugi di atas hendaklah terus terpakai selepas penamatan keahlian RISBM untuk apa-apa alasan apa jua pun.

4.17 RISBM tidak akan memindah atau menarik balik mata kredit daripada e-dompet jaringan bawah ("downline") mereka tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu dari downline mereka.

## **SEKSYEN 5 – PEMINDAHAN KEAHLIAN RISBM**

5.1 Keahlian RISBM tidak boleh dicantum atau digabung tanpa kelulusan terlebih dahulu dari Syarikat dalam cara bertulis atau melalui e-mel.

5.2 Sekiranya berlaku keadaan di mana RISBM meninggal dunia,

- (a) dalam kes apabila RISBM meninggal dunia tak berwasiat atau tanpa menentukan benefisiari di dalam borang permohonan, keahlian boleh dipindahkan kepada waris terdekatnya tertakluk kepada saling persetujuan kedua-dua Syarikat dan waris terdekat dan asalkan Surat Kuasa Mentadbir telah diperolehi; atau
- (b) dalam kes apabila RISBM mati berwasiat atau menentukan benefisiari di dalam borang permohonan, keahlian boleh dipindahkan kepada benefisiari yang dinamakannya tertakluk kepada saling persetujuan kedua-dua Syarikat dan benefisiari dan asalkan Geran Probet telah diperolehi. Ia adalah tanggungjawab mutlak RISBM untuk memaklumkan Syarikat secara bertulis mengenai apa-apa pertukaran pada benefisiari yang ditentukan di dalam borang permohonan. Sekiranya benefisiari yang ditentukan di dalam borang permohonan keahlian (atau benefisiari terakhir yang dimaklumkan kepada Syarikat secara bertulis) adalah berbeza daripada benefisiari yang dinamakan di dalam wasiat, benefisiari yang ditentukan di dalam borang permohonan keahlian (atau benefisiari terakhir yang dimaklumkan kepada Syarikat secara bertulis) hendaklah dianggap oleh Syarikat sebagai benefisiari sebenar untuk tujuan memindahkan keahlian di bawah ini, kecuali diarahkan sebaliknya oleh Mahkamah.

Bagi mengelakkan keraguan, persetujuan daripada Jaringan atas (upline) atau Jaringan bawah (downline) adalah tidak dikehendaki untuk pemindahan keahlian yang disebutkan di atas. Sekiranya tidak ada saling persetujuan antara pihak-pihak di atas, Syarikat akan melaksanakan hak-haknya untuk menamatkan keahlian menurut Seksyen 8.2.1 (a).

5.3 RISBM boleh menawarkan pemindahan keahliannya kepada pihak lain ("Penerima Pindahan"). Syarat-syarat pemindahan keahlian (melainkan dan kecuali harga untuk pemindahan) mesti

diluluskan oleh Syarikat sebelum ia boleh dikuatkuasakan dan terdahulu daripada kelulusan demikian, Penerima Pindahan hendaklah menyerahkan kepada Syarikat sesalinan benar perakuan Kad Pengenalan Pendaftaran Nasional (KP) atau apa-apa dokumen pengenalan yang boleh diterima oleh Syarikat. Apa-apa tawaran untuk pemindahan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) Tawaran pemindahan mesti dibuat mengikut susunan berikut:

Tawaran mesti dibuat kepada jaringan atas

Jika jaringan atas menolak tawaran itu, ia mesti seterusnya ditawarkan kepada downline yang dirujuk secara peribadi oleh RISBM tersebut. Jika semua downline yang dirujuk secara peribadi menolak, tawaran mesti dibuat seterusnya kepada mana-mana ketua yang diiktiraf dan diluluskan oleh Syarikat.

Yuran pentadbiran sebanyak 5 mata kredit (RM 20) hendaklah dibayar kepada Syarikat.

(b) Semua bonus yang terakru kepada keahlian selepas pemindahan akan dibayar kepada RISBM baru tetapi semua award sebelumnya tidak akan dipindah. RISBM baru akan diberi award baru berdasarkan aktiviti-aktiviti yang terakru selepas tarikh pemindahan.

(c) Jika dikehendaki oleh Syarikat, RISBM hendaklah mendapatkan Penerima Pindaan untuk menandatangani satu borang keahlian baru dengan Syarikat.

## SEKSYEN 6 – BONUS DAN PENDAPATAN

6.1 Dengan tidak mengambil kira apa sahaja yang bertentangan, semua RISBM tidak dijamin pendapatan, bonus atau jaminan untuk apa-apa kejayaan. Kejayaan akan hanya datang daripada kerja keras dan usaha individu. Semua bonus akan dibayar kecuali terdapat undang-undang atau perintah mahkamah yang menyekat atau melarang bayaran demikian.

6.2 RISBM akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan perniagaan RISBM dan untuk semua cukai pendapatannya dan cukai lain (jika ada).

6.3 Semua insentif, bonus dan award yang ditawarkan oleh Syarikat adalah sah dan boleh ditebus hanya semasa keahlian adalah sedang dikuatkuasakan dan diefektifkan.

6.4 Apa-apa pertikaian atau perselisihan dalam pengiraan bonus atau tuntutan ketidak penerimaan bonus mesti dibawa kepada perhatian Syarikat secara bertulis dalam masa empat puluh lapan (48) jam dari tarikh pengiraan bonus, sekiranya gagal membuat seperti tersebut, pengiraan bonus akan dianggap betul dan bonus diterima dengan sewajarnya.

6.5 Semua RISBM adalah setegas-tegasnya dinasihatkan untuk mengendalikan akaun simpanan/semasa dengan sebuah bank atau bank-bank yang dilantik oleh Syarikat bagi memastikan penerimaan bayaran bonus yang lancar.

6.6 Istilah "minggu" bagi syarikat adalah merujuk kepada yang berikut :-

(a) 1hb sehingga 7hb - Minggu Pertama

(b) 8hb sehingga 15hb - Minggu Kedua



- (c) 16hb sehingga 22hb - Minggu Ketiga
- (d) 23hb sehingga akhir bulan - Minggu Keempat

6.7 Bonus-bonus hanya akan dibayar kepada Jaringan atas setelah penerimaan borang permohonan keahlian RISBM, urusan jual-beli produk serta serahan dokumen-dokumen berkaitan disempurnakan.

## **SEKSYEN 7 KAEDAH-KAEDAH YANG MENGUASAI PENGGUNAAN TANDA NIAGA, NAMA NIAGA DAN BAHAN-BAHAN BERHAKCIPTA**

- 7.1 Kecuali ditunjukkan sebaliknya, semua hak harta intelektual (termasuk tidak terhad kepada tanda niaga dan hak cipta) yang wujud di dalam dan/atau yang timbul daripada nama, nama domain, tanda niaga, nama niaga, logo, simbol, cogan kata, garis nama, dokumen, Kit Permulaan, risalah, teks, Pelan Pemasaran, pelan perniagaan, model perniagaan, ramalan, kaedah, maklumat, data, butiran pelanggan, proses, prosedur, kepakaran, alat-alat Syarikat dan semua bahan lain yang disediakan oleh Syarikat atau yang tersedia untuk RISBM, adalah kepunyaan dan dikekalkan sebagai harta Syarikat [atau lantikannya ('designee')].
- 7.2 Kecuali dibenarkan sebaliknya dengan jelas di bawah ini atau dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu oleh Syarikat, RISBM tidak akan menggunakan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) apa-apa hak Syarikat yang dirujuk di dalam Seksyen 7.1.
- 7.3 Tanda niaga dan nama niaga mengenal pasti perniagaan dan produk sesebuah syarikat dan membezakannya dan produk-produknya daripada semua syarikat lain dan produk mereka. Maka tanda niaga dan nama niaga sedemikian mesti dijaga agar mengelakkan peniru dari menggunakan tanda niaga dan nama niaga yang sama dan mengelirukan orang ramai.
- 7.4 Tanpa prejudis kepada sifat umum Seksyen 3.3, 4.5 dan 7.1, RISBM tidak akan menggunakan nama, tanda niaga, logo, simbol atau nama niaga Syarikat di atas mana-mana ceknya atau dokumen/alat tulisnya yang lain.
- 7.5 Kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu daripada Syarikat, RISBM tidak akan mengeluarkan atau mendapatkan daripada mana-mana sumber (selain daripada Syarikat) apa-apa premium, barang-barang pemberian, alat tulis atau apa-apa jenis teks yang dipromosikan di mana nama, tanda niaga, logo, simbol atau nama niaga Syarikat adalah tertera atau yang memerihalkan ciri-ciri Syarikat dan/atau produk-produknya.
- 7.6 Semua dokumen dan bahan cetakan yang disediakan atau tersedia oleh Syarikat adalah berhak cipta dan tidak akan dikeluarkan semula secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh RISBM atau orang-orang lain kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu daripada Syarikat.

## **SEKSYEN 8 – PENGUATKUASAAN KAEDAH DAN PERATURAN**

### **8.1 Melaporkan Pelanggaran**

Melanggar Kaedah dan Peraturan adalah perkara yang serius kerana ia bukan hanya menjejaskan perniagaan RISBM malah akan juga mempengaruhi pendapat orang ramai, media dan pihak

berkuasa kerajaan. Syarikat akan hanya mempertimbangkan untuk menjalankan penyiasatan dan akan mengambil tindakan terhadap laporan pelanggaran Kaedah dan Peraturan (atau sebahagian daripadanya), apabila pelanggaran tersebut dilaporkan kepada Syarikat dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh berlakunya pelanggaran. Syarikat atas budi bicaranya yang mutlak (tetapi tidak wajib) mempertimbangkan mana-mana laporan pelanggaran yang dikemukakan selepas dua belas (12) bulan tersebut. Syarikat akan mengambil langkah-langkah yang perlu menurut budi bicaranya yang mutlak untuk membetulkan keadaan sama ada melalui khidmat nasihat, bimbingan, panduan atau sebaliknya.

Sekiranya RISBM atau pihak ketiga ("Pengadu") mendapati suatu kemungkinan pelanggaran Kaedah dan Peraturan (atau sebahagian daripadanya) oleh mana-mana RISBM, perkara berikutnya hendaklah diterima pakai:

- (a) seseorang itu hendaklah memaklumkan kepada Syarikat dan jika Pengadu ialah seorang RISBM, jaringan atasnya (atau sesiapa yang berkedudukan lebih tinggi) mengenai kemungkinan pelanggaran setelah diberi semua fakta yang berhubung dengannya. Pengadu boleh diminta mengisi borang aduan rasmi yang disediakan oleh Syarikat.
- (b) Selepas menerima borang aduan yang dilengkapkan sewajarnya, Syarikat akan memaklumkan RISBM yang berkenaan dan akan meminta penjelasan dengan serta-merta.
- (c) Syarikat akan menjalankan soal siasat dan/atau siasatan mengenai perkara itu. Selepas semua fakta dan keadaan yang relevan dengan aduan telah disemak, sekiranya Syarikat menentukan atas budi bicaranya yang mutlak bahawa RISBM yang berkenaan telah melanggar Kaedah dan Peraturan (atau sebahagian daripadanya), maka Syarikat boleh atas budi bicaranya yang mutlak mengambil mana-mana tindakan berikut:
  - (i) menamatkan keahlian RISBM dengan serta-merta menurut Seksyen 8.2.1; atau
  - (ii) terus meletakkan RISBM berkenaan bawah pengawasan menurut Seksyen 8.3; atau
  - (iii) membincangkan perkara tersebut dengan RISBM berkenaan untuk mendapatkan jaminan yang mencukupi bahawa pelanggaran tersebut tidak akan berulang lagi. Syarikat kemudian akan menghantar notis bertulis kepada RISBM yang berkenaan dan/atau jaringan atasnya (atau sesiapa yang berkedudukan lebih tinggi) yang akan menetapkan aduan tertentu, tindakan pembetulan yang akan dilaksanakan, (termasuk satu had masa pelaksanaan darinya) dan butir-butir lain (jika ada) seperti yang ditentukan oleh Syarikat. Jika RISBM berkenaan dan/atau jaringan atas (atau orang yang berkedudukan lebih tinggi) tidak melaksanakan tindakan pembetulan dalam had masa tertentu yang ditetapkan, Syarikat adalah berhak untuk mengambil apa sahaja tindakan yang dianggap wajar termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan keahlian menurut Seksyen 8.2.1 atau diletak bawah pengawasan menurut Seksyen 8.3. Notis tindakan demikian hendaklah dihantar kepada semua pihak yang berkenaan.

Dengan tidak mengambil kira apa sahaja yang bertentangan, RISBM memperakui dan menyetujui bahawa keputusan/penentuan Syarikat terhadap pelanggaran Kaedah dan Peraturan RISBM (atau sebahagian daripadanya) adalah terakhir, muktamad dan mengikat.

## 8.2 Penamatan

8.2.1 Dengan tidak mengambil kira prosedur yang ditetapkan di dalam Seksyen 8.1 di atas, tanpa

prejudis kepada hak-hak atau remedi-remedi yang lain tersedia untuk Syarikat di bawah ini atau menurut undang-undang, Syarikat berhak untuk menamatkan keahlian RISBM, dengan serta-merta:

- (a) tertakluk kepada Seksyen 5.2, jika RISBM meninggal dunia;
- (b) jika Syarikat berpendapat bahawa RISBM tak sempurna akal dan/atau keupayaan RISBM menyertai perniagaan dan/atau mematuhi Kaedah dan Peraturan (atau sebahagian daripadanya) adalah atau telah menjadi lemah;
- (c) jika RISBM melanggar atau memungkiri mana-mana peruntukan Kaedah dan Peraturan (atau sebahagian daripadanya);
- (d) Jika Syarikat berpendapat bahawa RISBM dan/atau pasangannya (sama ada atau tidak pasangan tersebut adalah RISBM berdaftar) didapati melanggar atau memungkiri Kaedah dan Peraturan (atau sebahagian daripadanya); atau
- (e) Jika RISBM adalah didapati secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi RISBM lain untuk menyertai syarikat-syarikat jualan berbilang tingkat lain atau secara langsung atau tidak langsung merekrut RISBM lain untuk syarikat-syarikat jualan berbilang tingkat lain.

Dengan tidak mengambil kira apa sahaja yang bertentangan, RISBM memperakui dan menyetujui bahawa keputusan Syarikat atas apa-apa perkara ternyata dalam Seksyen 8.2.1 (a), (b), (c), (d) dan (e) hendaklah terakhir, muktamad dan mengikat.

Bagi mengelakkan keraguan, dalam keadaan tertentu di mana Syarikat mempertimbangkan pada budi bicaranya yang mutlak bahawa pelanggaran Kaedah dan Peraturan adalah amat serius (termasuk tidak terhad kepada, di mana RISBM telah menyalah nyata mengenai Syarikat, produk-produknya atau perniagaannya), Syarikat boleh dengan serta-merta menamatkan keahlian RISBM walaupun dengan ketiadaan laporan rasmi daripada RISBM atau pemfailan satu aduan rasmi.

- 8.2.2 (a) RISBM boleh menamatkan keahliannya dalam masa sepuluh (10) Hari Perniagaan dari tarikh berkuat kuasa pendaftaran dengan memberi notis secara bertulis kepada Syarikat. Dalam penamatan demikian, yang berikut hendaklah dipakai: (i) Syarikat akan membayar balik RISBM yuran pendaftaran yang telah dibayar oleh RISBM kepada Syarikat, sekiranya ada; (ii) peruntukan Seksyen 10 hendaklah dipakai; (iii) RISBM hendaklah memulangkan Kit Permulaan kepada Syarikat dengan serta merta; dan (iv) semua atau bonus yang terakru kepada RISBM dan jaringan atas RISBM tersebut hendaklah secara automatik ditarik balik atau dibatalkan dan menjadi tidak sah dan semua bonus yang telah dibayar atau dikredit kepada jaringan atas RISBM akan dipotong dari e-dompot jaringan atas dan dalam apa jua keadaan RISBM atau jaringan atas RISBM tersebut tidak berhak menuntut bonus demikian dengan apa-apa cara.
- (b) Penamatan di bawah Seksyen 8.2.2 (a) hanya boleh dipakai sekiranya RISBM berkenaan belum mula berniaga dan belum mula menaja downline. RISBM yang telah mula berniaga dan menaja downline tidak layak menamatkan keahliannya di bawah Seksyen tersebut.
- (c) RISBM boleh menamatkan keahliannya dengan memberi notis secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) Hari Perniagaan kepada Syarikat jika RISBM kekal pendam selama enam

(6) bulan berturut-turut. Istilah 'pendam' di dalam Seksyen 8.2.2(c) bermaksud pendapatan sifar dari pelan pemasaran yang ditawarkan oleh syarikat.

Bagi mengelakkan keraguan, RISBM tidak berhak untuk menamatkan keahliannya, melainkan dalam cara yang ditetapkan di dalam Seksyen 8.2.2 ini.

8.2.3 Setelah penamatan keahlian, peruntukan-peruntukan di bawah hendaklah dipakai:

- (a) RISBM hendaklah serta-merta mengirim kepada Syarikat semua wang yang tertunggak kepada Syarikat yang dikutip dan diterima daripada pelanggan-pelanggan, pemohon-pemohon baru atau RISBM baru (termasuk tidak terhad kepada, yuran pendaftaran dan kos pakej produk) dan untuk apa-apa wang yang tertunggak kepada Syarikat, RISBM hendaklah serta-merta mengutip wang demikian dan mengirimkan yang sama kepada Syarikat;
- (b) Penamatan di bawah Seksyen 8.2.2 (a) hanya boleh dipakai sekiranya RISBM berkenaan belum mula berniaga dan belum mula menaja barisan bawah. RISBM yang telah mula berniaga dan menaja barisan bawah tidak akan berlayak menamatkan keahliannya di bawah Seksyen tersebut.
- (c) RISBM hendaklah menghentikan apa-apa penggunaan bahan empunya Syarikat, termasuk tidak terhad teks dan Kit Permulaan Syarikat;
- (d) jika keahlian adalah ditamatkan menurut Seksyen 8.2.1(c), (d) atau (e) RISBM tersebut dan/atau pasangannya tidak akan dibenarkan untuk memohon semula sebagai RISBM secara tetap.
- (e) jika keahlian ditamatkan menurut Seksyen 8.2.1 (c), (d) atau (e), mana-mana dan semua mata kredit, pendapatan dan/atau bonus dalam e-dompot/akaun RISBM sebelum atau pada masa penamatan boleh dilucut hak atau dibayar balik atau sebaliknya diuruskan dengan apa-apa cara atas budi bicaranya yang mutlak Syarikat dan keputusan Syarikat hendaklah terakhir, muktamad dan mengikat;
- (f) jika keahlian ditamatkan menurut Seksyen 8.2.1 (b) atau Seksyen 8.2.2 (a) atau (c), mana-mana dan semua mata kredit, pendapatan dan/atau bonus dalam e-dompot/akaun RISBM sebelum atau pada masa penamatan hendaklah dibayar/dibayar balik kepada RISBM dan jika penamatan adalah menurut Seksyen 8.2.1 (b) atau Seksyen 8.2.2 (c), selepas ditolak mana-mana atau kesemua yuran yang belum dijelaskan dan/atau caj yang terhutang kepada Syarikat; dan
- (g) jika keahlian ditamatkan menurut Seksyen 8.2.1 (a), mana-mana dan semua mata kredit, pendapatan dan/atau bonus dalam e-dompot/akaun RISBM yang telah meninggal dunia sebelum atau pada masa penamatan hendaklah tertakluk pada Seksyen 1.6, dibayar/dibayar balik kepada waris terdekat RISBM atau benefisiari yang dinamakan (mengikut keadaan) selepas memotong mana-mana atau kesemua yuran yang belum dijelaskan dan/atau caj yang terhutang kepada Syarikat.

Bagi mengelakkan keraguan, RISBM tidak berhak untuk menamatkan keahliannya, melainkan dalam cara yang ditetapkan di dalam Seksyen 8.2.2 ini.

### 8.3 Pengawasan

8.3.1 Jika RISBM telah melanggar atau mungkir mana-mana peruntukan Kaedah dan Peraturan atau

berlaku mana-mana perkara dalam Seksyen 8.2.1, maka sebagai alternatif kepada penamatan menurut Seksyen 8.2.1, Syarikat akan menurut budi bicaranya yang mutlak menempatkan RISBM bawah pengawasan. Pengawasan dimulakan supaya dapat mengawal pelanggaran atau kemungkiran selanjutnya oleh RISBM atau kumpulannya. Pada masa yang sama satu program mandatori orientasi semula boleh dikenakan ke atas RISBM dan/atau seluruh kumpulannya.

8.3.2 Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa-apa pun yang bertentangan, Syarikat boleh meletakkan seorang RISBM bawah pengawasan tanpa perlu mematuhi prosedur dalam Seksyen 8.1.

8.3.3 Pengawasan akan menghasilkan mana-mana atau semua akibat berikut:

- (a) Semua bayaran bonus dan insentif lain boleh digantung sehingga notis selanjutnya dan akan dipegang dalam eskrow oleh Syarikat sepanjang tempoh pengawasan (“Tempoh Pengawasan”).
- (b) Syarikat akan menentukan menurut budi bicaranya yang mutlak selepas tamat Tempoh Pengawasan sama ada jumlah niaga bulanan RISBM dalam pengawasan adalah dikira untuk kelayakan bagi semua bonus, pin-pin award, jemputan untuk seminar atau acara-acara yang ditaja oleh Syarikat.
- (c) RISBM dalam pengawasan tidak akan dijemput untuk menghadiri seminar/forum dan/atau apa-apa acara tajaan yang lain yang diadakan semasa Tempoh Pengawasan meskipun dia layak menghadiri acara yang sama sebelum Tempoh Pengawasan.

8.3.4 Menarik balik Pengawasan

Sebaik sahaja Syarikat berpuas hati bahawa RISBM telah menunjukkan komitmen yang serius untuk menukar caranya untuk menjadi lebih baik, Syarikat akan menarik balik pengawasan dan mengembalikan penuh hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan kepada RISBM berkenaan. Jika Syarikat tidak berpuas hati bahawa RISBM adalah bersedia untuk dikembalikan sepenuhnya hak dan keistimewaannya, Syarikat dengan budi bicaranya yang mutlak boleh sama ada:

- Melanjutkan Tempoh Pengawasan dan mengambil langkah pembetulan selanjutnya; atau
- Memutuskan bahawa pengawasan tersebut adalah satu kegagalan dan menamatkan keahlian RISBM menurut Seksyen 8.2.1

8.4 Penggantungan Keanggotaan

Syarikat boleh atas budi bicaranya yang mutlak menggantung seseorang RISBM (termasuk tanpa had, menggantung penglibatan dan penyertaannya dalam perniagaan, akaunnya dengan Syarikat, hak dan keistimewaannya dan/atau bayaran bonus dan/atau insentif kepadanya) dengan sertamerta tanpa liabiliti dan pampasan sama ada semasa menunggu penyoalan dan/atau penyiasatan atau sebaliknya:

- (a) jika Syarikat menerima satu laporan atau aduan daripada RISBM lain atau pihak ketiga mengenai RISBM yang tersebut; atau
- (b) jika Syarikat mengesyaki atau mempunyai alasan untuk mengesyaki atau telah menentukan bahawa RISBM telah melanggar atau mungkir mana-mana peruntukan Kaedah dan Peraturan; atau

- (c) jika Syarikat mengesyaki atau mempunyai alasan untuk mengesyaki atau telah menentukan bahawa mana-mana peristiwa dalam Seksyen 8.2.1 telah berlaku.

Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa-apa pun yang bertentangan, tempoh penggantungan hendaklah ditetapkan oleh Syarikat mengikut budi bicaranya yang muktamad, terakhir dan mengikat.

## SEKSYEN 9 – PEMATUHAN

9.1 Polisi dan Prosedur ini dibaca sekali dengan Kod Etika, Pelan Pemasaran dan Terma dan Syarat Standard Keahlian yang ditetapkan di dalam borang keahlian yang menguasai inter alia aktiviti-aktiviti perniagaan RISBM di bawah dan hubungan di antara RISBM dan Syarikat. Mana-mana RISBM yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah dan Peraturan (atau sebahagian daripadanya) akan ditamatkan keahliannya.

9.2 Setiap RISBM adalah dikehendaki untuk membiasakan dirinya dengan Kaedah dan Peraturan.

9.3 Kaedah dan Peraturan hendaklah dibaca dalam aturan duluan yang berikut i) Polisi dan Prosedur RISBM, (ii) Kod Etika (iii) Pelan Pemasaran; dan (iv) Terma dan Syarat Standard Keahlian yang ditetapkan di dalam borang keahlian. Di mana apa-apa konflik yang berlaku antara peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam dua atau lebih dokumen-dokumen yang disebutkan di atas, dokumen yang berada di bawah aturan duluan hendaklah di mana mungkin dibaca untuk menyelesaikan konflik demikian. Jika konflik tersebut masih tidak dapat diselesaikan dengan cara ini, peruntukan-peruntukan yang berkonflik hendaklah disingkirkan daripada dokumen yang berada di bawah aturan duluan tanpa sebaliknya mengurangkan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan selebihnya dokumen itu.

## SEKSYEN 10 – MEMBELI BALIK PRODUK-PRODUK

10.1 Pada bila-bila masa terdahulu atau setelah penamatan keahlian RISBM, Syarikat akan melihat atas permintaan RISBM:

**(a) terhadap produk yang dibeli dalam tempoh 10 hari bertenang, membeli balik produk-produk berkaitan dengan kadar seratus peratus (100%) harga sebenarnya yang dibayar oleh RISBM tolak caj penyelenggaraan, pengendalian, penyerahan dan pentadbiran. Bayaran balik daripada pembelian semula produk dalam kaitannya kepada seksyen ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut:**

- (i) produk yang dikembalikan mestilah belum dibuka, dalam keadaan baik, boleh dipasar dan dijual semula dengan tanda harganya tidak terjejas dan,
- (ii) bayaran balik hanya berkuatkuasa apabila produk secara fizikalnya benar-benar diterima oleh Syarikat. Tiada bayaran balik ke atas produk sekiranya RISBM memutuskan untuk menyimpannya setelah penamatan. Dalam keadaan demikian, RISBM hanya berhak kepada bayaran balik yuran pendaftaran RISBM selaras dengan seksyen 8.2.2 (a);
- (iii) dalam keadaan produk di dalam transit dan belum sampai kepada RISBM ketika penamatan, Syarikat akan meneruskan proses pembayaran balik ke atas produk tetapi pembayaran bayaran balik tersebut hanya akan dibuat apabila produk yang dikembalikan diterima.

- (b) berkaitan dengan produk yang dibeli dan dijual kepada RISBM di bawah Pelan Pemasaran Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan sebelum permohonan tersebut,
- (i) menukar produk ini dengan produk-produk lain yang ditawarkan oleh Syarikat yang mempunyai nilai yang sama, dengan syarat bahawa produk yang dikembalikan kepada Syarikat tidak dibuka, dalam keadaan baik, berkeadaan boleh diniaga dan boleh dijual berserta tanda harga yang utuh; ATAU
  - (ii) membeli balik produk yang telah dibuka dan diguna di mana produk itu didapati tidak sesuai pada harga bersamaan dengan amaun produk masih tinggal/tidak diguna, dengan syarat bahawa Syarikat diberi dokumen menunjukkan/membukti bahawa produk berkenaan adalah tidak sesuai (contohnya laporan perubatan atau foto) dan Syarikat bersetuju sepenuhnya dengan dokumen itu menurut budi bicaranya yang mutlak. Untuk mengelakkan keraguan, penentuan harga oleh Syarikat dan dokumen menunjukkan/membukti produk adalah tidak sesuai hendaklah terakhir, muktamad dan mengikat dan RISBM bersetuju tidak mempertikaikan penentuan ini dalam apa-apa cara; ATAU
  - (iii) membeli balik produk-produk berkenaan pada sembilan puluh peratus (90%) harga pembelian asal tolak caj penyelenggaraan, pengendalian, penyerahan dan pentadbiran, dengan syarat produk berkenaan tidak dibuka, dalam keadaan baik, berkeadaan boleh diniaga dan boleh dijual berserta tanda harga yang utuh.
- (c) Seksyen 10.1 tidak boleh dipakai untuk peralatan maya dan produk-produk yang mungkin menyusut nilai. Contohnya, komputer, alat-alat elektrik dan sebagainya.

10.2 Semua caj pengangkutan dan pentadbiran peralihan yang berlaku untuk pengembalian produk akan ditanggung oleh RISBM berkenaan.

10.3 Produk tersebut mesti dikembalikan terus kepada Ibu Pejabat Syarikat untuk perhatian Bahagian Khidmat Pelanggan di C-G-23, Blok C, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sungai Jerneh 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya Selangor DE, Malaysia (atau alamat lain seperti yang akan dimaklumkan oleh Syarikat dari masa ke semasa).

10.4 Syarikat hendaklah membuat bayaran untuk membeli balik atau penukaran produk yang dirujuk di Seksyen 10.1 dan seharusnya dibayar kepada RISBM berkenaan dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh produk dikembalikan dan diterima oleh Ibu Pejabat Syarikat.

## **SEKSYEN 11 – KOD ETIKA**

11.1 RISBM dengan ini bersetuju untuk menjalankan perniagaannya dalam cara yang beretika dan profesional pada semua masa dan bahawa:

- (a) dia hendaklah mematuhi sepenuhnya dan menyokong Kod Etika Syarikat dan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dan mana-mana perintah, notis, kaedah, peraturan, polisi dan/atau prosedur yang akan dikenakan oleh Syarikat atau Kerajaan;
- (b) dia tidak boleh menjalankan kegiatan dengan niat menipu mana-mana ahli atau pengguna seperti menambah peraturan baru, menaikkan harga sesuka hati atau meminda pelan pemasaran dan hendaklah menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggannya;

- (c) dia hendaklah mengendalikan dirinya dalam cara yang tidak akan mengaibkan kumpulannya atau Syarikat dan hendaklah mendukung reputasi Syarikat pada semua masa; dan
- (d) dia tidak akan membuat apa-apa tuntutan semasa menjelaskan apa-apa produk Syarikat selain daripada atau melampaui yang ditetapkan pada label-label produk atau di teks rasmi Syarikat atau sebagaimana yang diluluskan oleh Syarikat secara bertulis.

## **SEKSYEN 12 – AKTA JUALAN LANGSUNG DAN SKIM ANTI-PIRAMID 1993**

Semua RISBM mesti mematuhi secara tegas peruntukan-peruntukan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dengan penekanan khusus ke atas kelakuan mereka semasa mengurus niaga.

### 12.1 KAD KUASA

Semua RISBM yang ingin menjalankan perniagaannya mesti membawa Kad Pengenalan Pendaftaran Nasional dan Kad Kuasa RISBM yang dikenalkan dan diluluskan oleh Syarikat. Kad Kuasa RISBM boleh didapati dalam format yang boleh dicetak dan boleh dimuat turun daripada Laman Web setelah mendapat kelulusan keahlian.

### 12.2 WAKTU PERNIAGAAN

RISBM tidak akan mencuba untuk menjalankan perniagaannya tanpa temu janji semasa waktu-waktu dilarang berikut:

- (a) Dari 7.00 malam hingga 9.00 pagi setiap hari
- (b) Pada hari rehat (beberapa negeri mematuhi Hari Ahad sementara yang lain mematuhi Hari Jumaat)
- (c) Pada Cuti Umum yang diwartakan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

### 12.3 PERMOHONAN UNTUK MENINGGALKAN PREMIS

RISBM mesti menunjukkan tujuan lawatan sebelum memasuki premis pelanggan dan jika RISBM diminta untuk meninggalkan premis, dia tidak seharusnya cuba berhujah tetapi dengan rela meninggalkan premis tersebut.

### 12.4 KONTRAK JUALAN

Satu kontrak jualan adalah diperlukan tidak kira apa nilai jualan. Kontrak jualan mesti secara bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pelanggan dan pengedar. Salinan pendua kontrak jualan hendaklah diberi kepada pelanggan dengan segera selepas kontrak ditandatangani. Kontrak jualan hendaklah mengandungi butir-butir berikut:

- (a) satu perihal terperinci tentang bentuk barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan;
- (b) terma kontrak termasuk jumlah bayaran yang perlu dijelaskan oleh pelanggan;
- (c) masa, tempat dan kaedah untuk membuat bayaran;
- (d) masa, tempat untuk menghantar barangan;
- (e) satu kenyataan tercetak di atas tempat yang disediakan untuk tandatangan pelanggan yang dibaca "KONTRAK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA TEMPOH BERTENANG SELAMA SEPULUH HARI BEKERJA" yang dicetak dalam huruf besar, saiznya tidak kurang daripada 18 point dalam bentuk Times; dan



- (f) notis di Bahagian I dalam Borang AJL-3 Jadual C Peraturan Jualan Langsung 1993 memaklumkan pelanggan tentang haknya membatalkan kontrak sebelum tamat Tempoh Bertenang. Notis ini hendaklah dicetak dalam saiz tidak kecil daripada 10 point dalam bentuk Times.

#### 12.5 TEMPOH BERTENANG SEPULUH (10) HARI BEKERJA

Setelah menandatangani kontrak jualan, pelanggan adalah berhak ke atas sepuluh (10) hari tempoh bertenang ("Tempoh Bertenang") di mana pelanggan boleh menukar fikirannya sama ada dia ingin membeli atau mengembalikan produk tersebut. Produk-produk tidak akan dihantar dan bayaran tidak akan dikutip sehingga tamat Tempoh Bertenang kecuali pelanggan menyampaikan notis penepian menurut Seksyen 12.6 di bawah.

#### 12.6 NOTIS PENEPIAN

Sekiranya pelanggan memerlukan produk atau perkhidmatan sebelum tamat Tempoh Bertenang, pelanggan boleh menyampaikan satu Notis Penepian. Setelah menerima Notis Penepian, pengedar boleh menghantar produk dan mengutip bayaran untuk produk yang dihantar.

### **SEKSYEN 13 – HARGA DAN BAYARAN DALAM TALIAN**

#### 13.1 Harga dan Caj Penghantaran

Harga produk dan caj penghantaran adalah dipaparkan di Laman Web. Caj penghantaran adalah disebutkan untuk satu penghantaran tunggal. Syarikat berhak meminda harga dan caj penghantaran tersebut. Harga dan caj penghantaran adalah dalam mata wang seperti yang dinyatakan dalam Laman Web dan tidak termasuk apa-apa cukai dan duti terpakai (termasuk tidak terhad kepada duti perkapalan, cukai import dan cukai jualan) yang hendaklah ditanggung oleh RISBM.

#### 13.2 Bayaran

Bayaran melalui kad kredit boleh dibuat melalui kaedah laluan bayaran dalam talian disedia khas di Laman Web. Syarikat tidak menyimpan butir-butir kad kredit dan bayaran dan oleh itu, Syarikat tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan ke atas apa-apa jenis kerugian atau kerosakan apa jua pun yang dialami oleh RISBM atau pihak ketiga akibat mana-mana akses atau penggunaan kad kredit yang tidak diberi kuasa dan butir-butir bayaran (termasuk tidak terhad kepada mana-mana akses atau penggunaan yang tidak diberi kuasa semasa penyiaran tersebut melalui apa-apa rangkaian, Laman Web dan pintu laluan bayaran dalam talian tertentu). RISBM akan kekal pada semua masa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan, kerahsiaan dan perlindungan butir-butir kad kredit dan butir-butir bayaran.

#### 13.3 Borang Pesanan

Jika RISBM ingin membeli apa-apa produk dan/atau perkhidmatan daripada Syarikat, RISBM adalah dikehendaki menyerahkan borang pesanan yang relevan dibekalkan oleh Syarikat dan RISBM bersetuju diikat oleh terma dan syarat jualan produk dan/atau perkhidmatan seperti yang ditetapkan di dalam borang pesanan tersebut.

- 13.4 RISBM akan dikenakan caj 5 mata kredit (RM 20) setahun untuk penyenggaraan Laman Web dan akan dipotong secara automatik daripada e-dompot RISBM. RISBM perlu memastikan pada setiap masa bahawa ia mempunyai mata kredit yang mencukupi di dalam e-dompotnya untuk tujuan Seksyen 13.4 ini. Sekiranya mata kredit tidak mencukupi di dalam e-dompot RISBM, RISBM hendaklah bersegera dengan tawaran Syarikat dan atas permintaan Syarikat sama ada menambah mata kredit dalam e-dompotnya atau membayar kepada Syarikat amaun yang sama dengan 5 mata kredit dalam Ringgit Malaysia berpandukan kadar pertukaran Syarikat pada masa itu. Jika masih lagi gagal untuk menyenggara Laman web dalam tempoh setahun (tidak aktif) maka akaun tersebut akan dikemaskinikan seperti menjadi seperti akaun baru.
- 13.5 Tertakluk kepada seksyen 8.2.2 (c) dan 8.2.3 (f), caj penyelenggaraan akaun pendam sebanyak 5 mata kredit akan dipotong dari e-dompot RISBM bagi setiap enam (6) bulan berturut-turut kependaman. Untuk tujuan seksyen 13.5, istilah “pendam” seperti yang didefinisikan di bawah seksyen 8.2.2 (c) boleh diguna pakai.

## **SEKSYEN 14 – AM**

- 14.1 Polisi dan Prosedur ini dibaca sekali dengan borang permohonan keahlian RISBM yang dilengkapi sewajarnya, Kod Etika dan Pelan Pemasaran membentuk keseluruhan perjanjian antara pihak-pihak mengenai perhubungan perniagaan mereka dan keahlian RISBM dan menggantikan mana-mana perjanjian terdahulu, representasi dan pemahaman (lisan, tersirat atau sebaliknya) antara RISBM dan Syarikat berkaitan yang sama.
- 14.2 Syarikat berhak untuk menukar dan/atau meminda (a) jenis, kualiti dan/atau harga produk atau kesediaan daripadanya; dan/atau (b) model perniagaan dan/atau Kaedah dan Peraturan (atau sebahagian daripadanya); sama ada dengan atau tanpa memberi notis terdahulu kepada RISBM. Syarikat akan secara munasabah berusaha untuk memaklumkan RISBM yang aktif tentang apa-apa perubahan dan/atau pindaan melalui saluran elektronik (dan/atau bentuk komunikasi yang lain) akan tetapi adalah tanggungjawab RISBM menyemak Laman Web dari masa ke semasa tentang mana-mana perubahan dan/atau pindaan. Dengan tidak mengambil kira apa sahaja yang bertentangan, penyertaan berterusan RISBM di dalam perniagaan ini dan/atau akses berterusan dan penggunaan Laman Web dan/atau perkhidmatan yang disediakan di dalamnya hendaklah membentuk persetujuannya dan penerimaan perubahan demikian dan/atau pindaan.
- 14.3 Kegagalan Syarikat menguatkuasakan, pada bila-bila masa, mana-mana peruntukan dalam Kaedah dan Peraturan tidak akan ditafsirkan sebagai penepian hak-haknya untuk menguatkuasakan kemungkiran peruntukan demikian atau mana-mana peruntukan lain atau sebagai penepian hak untuk kemungkiran berterusan, berturut-turut atau berikutnya terhadap mana-mana peruntukan atau peruntukan lain. Apa-apa penepian hendaklah secara bertulis dan mesti ditandatangani oleh pegawai Syarikat yang berkuasa.
- 14.4 Kaedah dan Peraturan dan instrumen lain yang dirujuk di sini atau yang dikeluarkan oleh Syarikat hendaklah dikuasai oleh undang-undang Malaysia. Semua pertikaian yang timbul daripada Kaedah dan Peraturan hendaklah tertakluk kepada kuasa undang-undang eksklusif Mahkamah di Malaysia tetapi Syarikat mempunyai kebebasan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap RISBM di Mahkamah di mana-mana negara lain di mana kuasa undang-undang boleh

diwujudkan (termasuk kuasa undang-undang di mana RISBM menetap atau di tempat RISBM berniaga).

- 14.5 Dengan tidak mengambil kira apa sahaja yang bertentangan dan ke tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, Syarikat tidak akan berada di bawah apa-apa liabiliti RISBM atau mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa (a) kerosakan atau kerugian yang sebagai amaran, secara kebetulan, bertujuan menghukum, sebagai akibatnya atau secara tidak langsung, dan/atau (b) kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan perniagaan, kehilangan, kemusnahan atau menyebabkan kesilapan data atau komunikasi, kehilangan hasil yang dijangka atau simpanan atau kerugian ekonomi; bagaimana sekalipun yang diakibatkan sama ada oleh kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang dialami atau berlaku atau ditimbulkan secara langsung atau tidak langsung berkenaan produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Syarikat, aktiviti-aktiviti perniagaan RISBM, perniagaan jualan berbilang tingkat di bawah ini, Pelan Pemasaran, Kit Permulaan dan apa-apa bahan lain, maklumat dan/atau sumber dibekalkan kepada RISBM menurut keahlian RISBM (atau pelaksanaan, penggunaan dan/atau operasi mana-mana di atas) atau keingkaran, kegagalan atau peninggalan oleh Syarikat untuk memenuhi kewajibannya di bawah dan/atau apa-apa tindakan atau peninggalan (sama ada kecuaiian atau sebaliknya); meskipun Syarikat telah dinasihatkan dahulu tentang kemungkinan kerosakan atau kerugian demikian dan semua kerosakan atau kerugian demikian adalah dinyatakan dengan jelas tidak dituntut.
- 14.6 Dengan tidak mengambil kira apa sahaja yang bertentangan dan ke tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, jika Syarikat didapati bertanggungjawab oleh mahkamah mempunyai kewibawaan kuasa undang-undang atau tribunal di bawah atau menurut Kaedah dan Peraturan atau bagaimana sekalipun yang timbul akibat daripada produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Syarikat, aktiviti perniagaan RISBM, perniagaan jualan berbilang tingkat di bawah ini, Kit Permulaan atau apa-apa bahan lain, maklumat dan/atau sumber yang dibekalkan kepada RISBM menurut keahlian RISBM (atau pelaksanaan, penggunaan dan/atau operasi mana-mana di atas), liabiliti Syarikat kepada RISBM atau pihak ketiga yang lain untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada keingkaran, kegagalan atau peninggalan oleh pihak Syarikat untuk mematuhi kewajibannya di bawah dan/atau apa-apa tindakan atau peninggalan oleh Syarikat (sama ada kecuaiian atau sebaliknya) semua tuntutan, tindakan dan akibat tindakan setiap jenis dan cara (termasuk tanpa had kemungkiran kontrak, tort atau kecuaiian), hendaklah tidak melebihi amaun agregat bonus yang sebenarnya perlu dibayar dan terhutang oleh Syarikat kepada RISBM setakat tarikh matang liabiliti tersebut.
- 14.7 Jika apa-apa peruntukan Polisi dan Prosedur ini (atau sebahagian daripadanya) adalah didapati menyalahi undang-undang atau tidak sah di bawah undang-undang atau peraturan-peraturan kini atau akan datang berkuatkuasa dan terpakai semasa penerusan Polisi dan Prosedur ini, peruntukan demikian (atau sebahagian daripadanya) akan disingkirkan sepenuhnya dan Polisi dan Prosedur ini akan dianggap seolah-olah peruntukan demikian yang menyalahi undang-undang atau tidak sah (atau sebahagian daripadanya) tidak pernah terdiri sebahagian daripada Polisi dan Prosedur ini dan peruntukan yang selebihnya hendaklah kekal dikuatkuasakan dan berkesan dan tidak akan dihalangi oleh peruntukan yang menyalahi undang-undang dan tidak sah (atau sebahagian daripadanya) atau oleh penyingkirannya daripada Polisi dan Prosedur ini.

- 14.8 Sekiranya berlaku apa-apa ketidaktekalan (tidak konsisten) atau konflik antara Polisi dan Prosedur dalam Bahasa Inggeris dan versi Polisi dan Prosedur yang terjemahkan dalam bahasa-bahasa lain, Polisi dan Prosedur dalam Bahasa Inggeris akan mengatasi ketidaktekalan dan konflik demikian.

## **SEKSYEN 15 – KESAHAN SEPARA**

Sekiranya mana-mana Polisi dan Prosedur atau instrumen yang lain yang dirujuk di sini atau dikeluarkan oleh Syarikat diisytiharkan tidak sah oleh sebuah mahkamah mempunyai kewibawaan kuasa undang-undang, Polisi dan Prosedur atau peraturan, aplikasi atau instrumen selebihnya hendaklah kekal penuh berkuatkuasa dan berkesan.

### **Penyenggaraan Auto**

- Saya dengan ini bersetuju bahawa saya ingin menikmati bonus-bonus seperti yang ditetapkan dalam Pelan Pemasaran Syarikat, oleh itu, saya memohon Syarikat untuk melaksanakan sistem Penyenggaraan Auto sebanyak 7.5 CP (RM 30) setahun supaya saya terus dapat menikmati pendapatan dalam pelan pemasaran syarikat mengikut kelayakan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

### **Notis Penepian**

Merujuk kepada Seksyen 12.6 Polisi dan Prosedur ini mengenai Notis Penepian:

- Setelah membaca dan memahami sepenuhnya Seksyen 12.6, saya dengan ini bersetuju dan ingin melaksanakan hak saya dalam menyampaikan Notis Penepian sebagaimana yang saya ingin mengutipnya atau Syarikat menghantar kepada saya barangan/produk sebelum tamat Tempoh Bertenang.